



## MENGENAI INSITUT SUKAN NEGARA (ISN)

ISN adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang bertanggungjawab untuk program penyediaan atlet elit ke arah temasya sukan antarabangsa utama seperti Sukan Olimpik, Kejohanan Dunia, Sukan Asia dan Sukan Komanwel.

ISN berusaha membawa sukan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi menerusi pembangunan amalan sistem berprestasi tinggi yang di tambah baik (Program Podium). ISN kini sedang mencari calon berkelayakkan untuk membangun, mengurus dan melaksanakan program ini. Calon-calon yang mempunyai pengalaman yang sesuai dan berkaitan digalakkan untuk memohon.

## NAMA JAWATAN: PAKAR FISIOTERAPIS SUKAN

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Memastikan perkhidmatan terbaik fisioterapi disediakan, mempunyai latar belakang yang baik dalam aplikasi progresif berdasarkan perkhidmatan fisioterapi sukan kepada atlet individu, berpasukan dan jurulatih dalam persekitaran sukan elit.
- Menjalankan pemeriksaan ujian (*musculoskeletal*) terhadap atlet elit kebangsaan dalam Program Podium.
- Menyelaras pelan melalui pendekatan pelbagai bidang terhadap Pencegahan, diagnosis dan pengurusan sukan yang berkaitan dengan kecederaan otot.
- Bertanggungjawab terhadap keselamatan dan penggunaan peralatan yang cekap seperti terapi senaman, elektroterapi dan hidroterapi untuk atlet
- Menyediakan khidmat sokongan, pengajaran, khidmat nasihat pakar yang berpengalaman kepada kakitangan seperti ahli fisioterapi atau *ad hoc* yang kurang berpengalaman, tenaga pengajar teknikal/pembantu atau fisioterapi dan pelatih perubatan (praktikal).
- Memastikan sumber peralatan perubatan sukan sedia ada ditingkatkan dan mengemaskini maklumat serta kemahiran fisioterapi termasuk menilai dan membuat penyelidikan yang berkaitan kepada kakitangan ISN.
- Memastikan sumber peralatan perubatan sukan sedia ada ditingkatkan dan mengemaskini maklumat kepada atlet dan jurulatih mengenai Pencegahan kecederaan semasa latihan dan kejohanan melalui pendidikan, latihan dan penyeliaan.

### KELAYAKAN DAN PENGALAMAN

- Ijazah dalam bidang Fisioterapi dengan latihan peringkat tertinggi dalam Fisioterapi Sukan (Diploma, Ijazah, Ijazah sarjana dan Phd atau bidang yang berkaitan).
- Mempunyai 5 tahun pengalaman bekerja sebagai Fisioterapi Sukan dengan mempunyai kemahiran bekerja yang baik dalam modaliti fizikal. Mempunyai pengalaman bekerja dengan atlet merupakan satu kelebihan.
- Pemahaman yang baik dalam bidang lain berkaitan sukan rehab atau perubatan fizikal dan bidang berkaitan sains sukan (biomekanik dan suaian fizikal sukan).

### CIRI-CIRI DAN PERSONALITI

- Kemahiran komunikasi yang baik dalam lingkungan kepelbagai budaya
- Sentiasa menunjukkan komitmen ke arah pembangunan profesional
- Berupaya bekerja secara berpasukan atau individu
- Mempunyai kepimpinan melalui tauladan

**ANGGARAN GAJI:** Berdasarkan pengalaman dan kelayakkan

Jika berminat, sila hantar CV terkini kepada [podium@isn.gov.my](mailto:podium@isn.gov.my)